



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

MAJLIS PENYERAHAN

SIJIL AKREDITASI ISO/IEC 17025

MAKMAL KEJURUTERAAN FORENSIK

20 JANUARI 2022

BLOK D4 KOMPLEKS D, PUTRAJAYA

Terima kasih, pengacara majlis. Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berusaha Ir. Zailee bin Dollah
Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
Malaysia

Yang Berusaha Encik Mohd Anuar bin Embi
Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan) JKKP

Yang Berusaha Ir. Hj Mohd Hatta bin Zakaria
Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan) JKKP

Pegawai-Pegawai Kanan JKKP serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang sedang mengikuti majlis ini secara maya.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam hormat dan Salam Sejahtera

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian;

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak JKKP, yang menganjurkan Majlis Penyerahan Sijil Akreditasi ISO17025 dan menjemput saya bersama-sama dalam majlis ini.

Jabatan Standard Malaysia merupakan Badan Standard Kebangsaan dan Badan Akreditasi Kebangsaan, yang berfungsi untuk membangunkan serta mempromosikan penggunaan Malaysian Standard (MS) dan memberikan perkhidmatan akreditasi di mana badan penilaian pematuhan iaitu badan-badan pensijilan, makmal-makmal pengujian dan badan-badan pemeriksa diakredit serta diiktiraf mempunyai kompetensi dalam memberi perkhidmatan mereka.

Untuk makluman semua, bagi kategori makmal yang merangkumi makmal *testing, calibration, testing & calibration dan medical testing* sehingga kini, terdapat sebanyak lebih 797 makmal telah mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 makmal pengujian Kerajaan telah mendapat akreditasi di mana Makmal Kejuruteraan Forensik, JKPP Malaysia merupakan salah satu daripadanya. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Makmal Kejuruteraan Forensik, JKPP Malaysia atas kejayaan mendapat akreditasi ISO/IEC 17025 daripada Jabatan Standard Malaysia pada 18 November 2021.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;

Untuk makluman semua, akreditasi merupakan pengiktirafan rasmi bahawa sesebuah organisasi adalah berwibawa bagi melaksanakan proses, aktiviti atau tugas tertentu mengikut kaedah yang boleh dipercayai, diyakini dan tepat. Oleh itu, Jabatan Standard Malaysia sememangnya menggalakkan makmal-makmal pengujian di sektor kerajaan dan pihak industri untuk mendapatkan akreditasi ISO/IEC 17025. Pengiktirafan ini dapat meningkatkan keyakinan penuh kepada pihak yang berkepentingan khususnya reliabiliti laporan pengujian yang dikeluarkan oleh makmal.

Seperti yang disebut oleh Tuan Ketua Pengarah JKPP tadi, Makmal Kejuruteraan Forensik JKPP berfungsi untuk menjalankan ujian dan analisis ke atas eksibit bagi kes-kes kemalangan di tempat kerja yang disiasat oleh Bahagian Kejuruteraan Forensik dan hasil pengujian ini akan digunakan oleh Pegawai Penyiasat dalam menentukan punca

kemalangan. Saya melihat usaha Makmal Kejuruteraan Forensik dalam mendapatkan akreditasi ISO/IEC 17025 merupakan satu inisiatif proaktif dan tepat pada masanya, serta dapat menghasilkan laporan pengujian yang mempunyai reliabiliti yang tinggi dan tidak dipertikai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;

Akhir sekali, saya percaya Makmal Kejuruteraan Forensik JKPP mampu mengekalkan pematuhan dan memperluaskan skop akreditasi pada masa hadapan. Jabatan Standard Malaysia berharap Makmal Kejuruteraan Forensik akan terus cemerlang dan maju jaya dalam memberikan perkhidmatan dengan keyakinan penuh kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Sekian, terima kasih.